

CHAIRMAN'S STATEMENT

ulasan
pengerusi



Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd
Ghazali Hj. Che Mat
Chairman Pengerusi

DEAR SHAREHOLDERS,

The past year will go down as one of the most challenging periods in Boustead's corporate history. The spectre of a global economic slowdown was already looming when the attack on America took place on 11 September 2001. The impact of the attack and the changes it wrought had far reaching implications for the global economy, defining a new economic order, the contours of which are still being defined.

In the global village that is fast becoming a reality, Malaysia was not spared the contagious effects of the slowdown. Although Boustead could not escape unscathed from the economic turmoil, I am pleased to report that your Group was able to demonstrate its adaptability and resilience to face the many challenges with confidence. A solid foundation built over the past years has enabled us to navigate through these economically turbulent times. Nevertheless, we cannot afford to have any illusions about the future and are adopting aggressive measures to further consolidate and strengthen the Group.

On behalf of the Board of Directors, it is my pleasure to present this Annual Report and Audited Financial Statements of Boustead Holdings Berhad and its Group of Companies for the financial year ended 31 December 2001.

ECONOMIC BACKGROUND

After staging a dramatic recovery from the Asian economic crisis of 1997/98, the momentum of growth in the Malaysian economy in 2001 was adversely affected by two main factors. The first was the larger than expected slowdown in the global economy, particularly in the United States and Japan. This was made worse by the 11 September attack on the US, giving rise to uncertainties about a revival in the American economy.

Notwithstanding the growing difficulties in the global economy, the Malaysian economy continued to expand by 0.4% in 2001. The positive Gross Domestic Product (GDP) growth was achieved despite a marginal contraction of 0.5% in the fourth quarter GDP compared with the previous corresponding period. Malaysia's economic growth was achieved on the back of Government pump priming efforts through a strong fiscal stimulus package and strengthening domestic demand against a gradual recovery in external demand.

The main engine of growth was the service sector, which grew by 4.9% in 2001. The highest growth was recorded by the finance, insurance, real estate and business services. After turning around in 2000, the country's construction sector continued to grow by 2.3% boosted by various financial packages under the Government's fiscal stimulus programme. Malaysia's agriculture sector grew by 2.5%, spurred on by the production of crude palm oil (CPO), which recorded a robust 8.9%. However, the manufacturing sector contracted by 5.1%, in line with lower production and sales volumes.

PARA PEMEGANG SAHAM,

Tahun lepas merupakan satu daripada tempoh yang paling mencabar dalam sejarah korporat Boustead. Kelembapan ekonomi global telah mula dirasakan ketika serangan ke atas Amerika Syarikat berlaku pada 11 September 2001. Kesan daripada serangan tersebut serta perubahan-perubahan yang timbul telah memberi implikasi yang amat mendalam kepada ekonomi global, melahirkan satu orde ekonomi baru, di mana batasannya masih belum menentu.

Dalam perkampungan global yang semakin menjadi kenyataan, Malaysia tidak terkecuali daripada kesan kelembapan ini. Meskipun Boustead tidak dapat mengelak daripada tekanan pergolakan ekonomi, saya suka melaporkan bahawa Kumpulan berjaya menunjukkan penyesuaian dan ketahanan menghadapi pelbagai cabaran dengan yakin. Asas kukuh yang dibina dalam tahun-tahun lepas telah membolehkan kita menghadapi saat-saat getir pergolakan ekonomi. Namun begitu, kita tidak seharusnya alpa mengenai masa hadapan dan sedang mengambil beberapa langkah agresif bagi menyatu dan memperkukuhkan lagi Kumpulan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit Boustead Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

LATAR BELAKANG EKONOMI

Setelah menunjukkan pemulihan dramatik daripada krisis ekonomi Asia 1997/98, pemulihan ekonomi Malaysia dalam tahun 2001 telah terjejas disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama adalah kelembapan ekonomi global yang teruk daripada yang dijangkakan, terutamanya di Amerika Syarikat dan Jepun. Keadaan menjadi lebih buruk lagi akibat serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat, yang telah menimbulkan ketidaktentuan mengenai pemulihan ekonomi Amerika.

Meskipun ekonomi global semakin sukar, ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar 0.4% dalam tahun 2001. Pertumbuhan positif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ini berjaya dicapai walaupun terdapat penguncupan marginal sebanyak 0.5% dalam suku keempat KDNK berbanding dengan tempoh yang sama sebelum ini. Pertumbuhan ekonomi Malaysia telah dicapai atas usaha Kerajaan membuat suntikan menerusi pakej rangsangan fiskal yang lebih mantap dan pengukuhan permintaan dalam negara yang disokong oleh pemulihan permintaan luar negara yang mula pulih.

Penggerak utama kepada pertumbuhan adalah sektor perkhidmatan, yang tumbuh sebanyak 4.9% dalam tahun 2001. Pertumbuhan yang paling tinggi dicatatkan oleh perkhidmatan kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan. Setelah kembali pulih dalam tahun 2000, sektor pembinaan negara terus berkembang sebanyak 2.3% dibantu oleh pelbagai pakej kewangan di bawah program rangsangan fiskal Kerajaan. Sektor pertanian Malaysia berkembang sebanyak 2.5%, didorong oleh pengeluaran minyak sawit mentah, yang mencatatkan kadar sebanyak 8.9%. Sektor pembuatan bagaimanapun menguncup sebanyak 5.1%, selaras dengan pengeluaran dan jumlah jualan yang lebih rendah.

CHAIRMAN'S STATEMENT • ulasan pengerusi

Looking to the future, external developments have taken a more positive note since December 2001. Prompt policy response taken by countries across the globe has aided in the recovery of consumer and business confidence. On the home front, the Malaysian Government will continue to adopt an expansionary fiscal policy with efforts focused on measures to maintain a conducive business environment to galvanise economic activities.

For the year 2002, the Malaysian economy is forecast to grow by between four to five percent, led by stronger performances in the manufacturing and services sectors. With increased effort on accelerating the disbursement process of Government expenditure, growth will be mainly domestic driven in terms of increased domestic investment and consumption. Externally, the Malaysian economy should benefit from the emerging recovery in the US economy where consumer spending has rebounded strongly. The global electronics industry has begun the recovery cycle and this will impact favourably on Malaysia's manufacturing sector. The service sector, however, will be driven by higher domestic economic activities and the Government's fiscal stimulus package.

FINANCIAL REVIEW

The Group's financial performance for the year ended 31 December 2001 recorded an unprecedented low, with a pre-tax loss of RM15 million. The Group's bottomline results were adversely affected by a loss of RM747 million recorded by Affin Bank, which was plagued by large loan provisions, plus goodwill and impairment of assets write-offs arising from the acquisition of BSNC Bank. However, if the loss attributable to Affin Holdings was excluded, the Group registered a creditable pre-tax profit of RM151 million, an increase of 39% over last year's comparable profit of RM109 million.

At the operating level, the bulk of profit was contributed by the Property Division. Our property arm, SCB Developments Berhad, had a good year in achieving an excellent pre-tax profit of RM107 million while the Group's plantation arm, Kuala Sidim Berhad, registered a profit of RM42 million. The performance of our Manufacturing Division was sustained by a substantial contribution from UAC Berhad.

Group turnover for the year under review grew by 15% to RM1.024 billion, while net tangible assets per share declined by 51 sen to RM4.97.

Meninjau ke hadapan, perkembangan di luar negara adalah lebih positif sejak Disember 2001. Dasar tindak balas yang lebih cepat yang diambil oleh negara-negara di seluruh dunia turut membantu memulihkan keyakinan pengguna dan perniagaan. Di dalam negara pula, Kerajaan Malaysia akan terus mengamalkan dasar fiskal berteraskan pengembangan dengan usaha tertumpu kepada langkah-langkah mengekalkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif bagi meningkatkan aktiviti ekonomi.

Bagi tahun 2002, ekonomi Malaysia diramalkan akan berkembang antara empat hingga lima peratus, diterajui oleh prestasi yang lebih mantap daripada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dengan meningkatkan usaha mempercepatkan proses pengagihan perbelanjaan kerajaan, sebahagian besar pertumbuhan akan digerakkan dalam negara menerusi pengembangan pelaburan domestik dan penggunaan. Bagi luar negara pula, ekonomi Malaysia seharusnya mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi Amerika Syarikat yang mana perbelanjaan pengguna telah meningkat dengan lebih mantap. Industri elektronik global telah memulakan kitaran pemulihan dan ini akan memberi kesan yang memuaskan kepada sektor pembuatan Malaysia. Sektor perkhidmatan, bagaimanapun, akan digerakkan oleh aktiviti ekonomi domestik yang lebih tinggi di samping pakej rangsangan fiskal Kerajaan.

TINJAUAN KEWANGAN

Pencapaian kewangan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 adalah yang terendah, iaitu kerugian sebelum cukai sebanyak RM15 juta. Keputusan keseluruhan Kumpulan terjejas teruk berikutan kerugian sebanyak RM747 juta yang dicatatkan oleh Affin Bank, yang dibebani dengan peruntukan hutang yang besar, dan hapus kira muhibah dan kejatuhan nilai aset berikutan pengambilalihan BSNC Bank. Sekiranya sumbangan kerugian daripada Affin Holdings tidak diambil kira, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang membanggakan sebanyak RM151 juta, peningkatan sebanyak 39% berbanding dengan keuntungan tahun lepas sebanyak RM109 juta.

Di peringkat operasi, sebahagian besar keuntungan adalah disumbangkan oleh Bahagian Hartanah. Syarikat pegangan hartanah kita, SCB Developments Berhad mengalami satu tahun yang cemerlang dengan pencapaian keuntungan sebelum cukai sebanyak RM107 juta manakala syarikat pegangan perladangan Kumpulan, Kuala Sidim Berhad, mencatatkan keuntungan sebanyak RM42 juta. Prestasi Bahagian Pembuatan kita dikekalkan melalui sumbangan yang besar daripada UAC Berhad.

Perolehan syarikat bagi tahun dilaporkan bertumbuh sebanyak 15% kepada RM1.024 bilion, manakala aset ketara bersih susut sebanyak 51 sen kepada RM4.97.



Aerial view of Mutiara Damansara
Pemandangan udara Mutiara Damansara

DIVIDEND

Despite the loss incurred by the Group, the Board is proposing a final dividend of 7.5% by utilising the substantial reserves accumulated over the years. This is one of the ways in which we can show our gratitude to shareholders for their longstanding loyalty and support.

As there was no interim dividend paid during the year, total distribution for the financial year ended 31 December 2001 will be 7.5% or RM7.4 million (2000: RM14.7 million).

FINANCE

During the year, a very conscious effort was undertaken to conserve the Group's cash flow. Consequently, Group borrowings remained relatively unchanged for the period under review. Although net borrowings of RM1.462 billion in 2001 represented a marginal increase over the previous year's level, the gearing level rose to 1.1 from 0.9 a year ago. This was attributed to the decline in the Group's net tangible assets following the loss registered for the year.

I would like to assure our shareholders that your Management is fully aware of the level of Group borrowings and all steps are being taken to ensure that it remains at a manageable level. However, in adopting a prudent stance, we are well aware of the need to continue to grow our businesses in promising areas so as to increase earnings potential and achieve further value for shareholders. In order to sustain future growth, we are evaluating various financial options to ensure that funding requirements are met at optimal costs. In this respect, the

DIVIDEN

Meskipun Kumpulan mengalami kerugian, Lembaga Pengarah masih mengesyorkan dividen akhir sebanyak 7.5%, dengan menggunakan rizab yang telah terkumpul dalam beberapa tahun lepas. Ini adalah satu cara kami menunjukkan penghargaan kami kepada pemegang saham atas kesetiaan dan sokongan mereka.

Oleh kerana tiada dividen awal dibayar di dalam tahun, jumlah yang diagihkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 adalah 7.5% atau RM7.4 juta (2000: RM14.7 juta).

KEWANGAN

Di sepanjang tahun, usaha yang lebih teliti telah diambil untuk mengawasi aliran tunai Kumpulan. Berikutan itu, pinjaman Kumpulan kekal tidak berubah untuk tempoh yang dilaporkan. Meskipun pinjaman bersih berjumlah RM1.462 juta dalam tahun 2001 merupakan peningkatan marginal berbanding paras tahun lepas, paras penggearan meningkat daripada 0.9 setahun lalu kepada 1.1. Ini adalah disebabkan aset ketara bersih Kumpulan yang merosot berikutan kerugian yang dicatat dalam tahun.

Saya ingin meyakinkan para pemegang saham bahawa pihak Pengurusan anda sedar mengenai tahap pinjaman Kumpulan dan segala langkah sedang diambil bagi memastikan ianya kekal pada tahap yang boleh diuruskan. Walau bagaimanapun, sementara mengambil sikap yang lebih berhemat, kami juga sedar mengenai keperluan untuk terus mengembangkan perniagaan kami dalam bidang yang boleh memberi pulangan bagi menambah potensi pendapatan dan mencapai lebih nilai untuk pemegang saham. Bagi mengekalkan pertumbuhan pada

Group has successfully entered the capital market by securing a RM100 million Commercial Papers/Medium Term Notes Programme at competitive rates.

CORPORATE DEVELOPMENT

Challenging times can also present unprecedented opportunities for future profitable growth. One such opportunity, which is also the most significant corporate development for the year, is the proposed acquisition of the 418-room Novotel Century Hotel. Located in the prime central business district of Bukit Bintang, the acquisition of the RM114 million property is presently at the final stages, subject to fulfilment of certain conditions.

The Group has also acquired a 50% stake in Damansara Entertainment Sdn Bhd, a company that will develop and operate an entertainment complex in our Mutiara Damansara development. With its emphasis on providing entertainment for the whole family, the complex will include among others, a bowling alley, cineplexes, fitness centre, themed restaurants and retail outlets. The complex is expected to commence operations in 2004.

Boustead is also promoting the growing trend towards 'cashless' transactions, with the setting up of a smart card personalisation centre. Catering for financial institutions through the MEPS system, the centre was established during the year. Our stake in this venture is held through Asia Smart Cards (M) Sdn Bhd, a joint venture with Modular Corporation Sdn Bhd.



*A very high yielding and uniform clonal planting
Penanaman klonal seragam yang mendatangkan hasil yang tinggi*

masa hadapan, kami sedang mengkaji pelbagai opsyen kewangan bagi memastikan keperluan dana diperolehi pada kos optimum. Dalam hal ini, Kumpulan telah berjaya memasuki pasaran modal dengan memperolehi RM100 juta Nota Komersial/Nota Jangka Sederhana pada kadar yang kompetitif.

PEMBANGUNAN KORPORAT

Keadaan yang mencabar boleh juga mewujudkan peluang-peluang luarbiasa yang boleh mendatangkan keuntungan pada masa hadapan. Satu peluang berkenaan yang juga merupakan pembangunan korporat yang paling ketara dalam tahun, adalah cadangan pengambilalihan Hotel Novotel Century yang mempunyai 418 buah bilik. Terletak di kawasan pusat perniagaan utama Bukit Bintang, pengambilalihan hartanah RM114 juta ini adalah di peringkat akhir, tertakluk kepada pelaksanaan syarat-syarat tertentu.

Kumpulan juga telah mengambilalih kepentingan sebanyak 50% dalam Damansara Entertainment Sdn Bhd, sebuah syarikat yang akan memaju dan mengendalikan kompleks hiburan di Mutiara Damansara. Bermatlamat untuk menawarkan hiburan kepada seluruh keluarga, kompleks ini akan mempunyai antara lain, sebuah gelanggang bowling, panggung wayang, pusat kesihatan, restoran bertema dan ruang niaga. Kompleks ini dijangka akan memulakan operasi dalam tahun 2004.

Boustead juga sedang mempromosikan konsep urus niaga tanpa tunai yang sedang berkembang pesat, dengan tertubuhnya pusat perkhidmatan kad pintar tersendiri. Bertujuan untuk memberi khidmat kepada institusi kewangan menerusi sistem MEPS, pusat ini telah ditubuhkan dalam tahun yang dilapor. Kepentingan kami dalam urus niaga ini dipegang melalui Asia Smart Cards (M) Sdn Bhd, sebuah usahasama dengan Modular Corporation Sdn Bhd.

Di sepanjang tahun, kami memperbaharui tumpuan kepada mengoptimumkan portfolio perniagaan bagi mendapatkan yang terbaik daripada aset kami. Usaha kami tertumpu kepada pengecilan atau pelupusan aktiviti bukan teras yang tidak menguntungkan. Ini termasuk penjualan pelaburan kami dalam Phoenix Heights Sdn Bhd dan Boustead Abela Sdn Bhd, dan kami kini di peringkat akhir perancangan untuk melupuskan kepentingan kami dalam Kulai Batu Quarry Sdn Bhd. Tahun ini turut menyaksikan pengurangan ketara aktiviti Boustead Trading bagi membendung kerugian manakala perniagaan sekolah memandu di bawah Akademi Pendidikan Pemandu telahpun memberhentikan operasinya. Berikutan strategi mengoptimumkan portfolio perniagaan kami yang masih berterusan, Kumpulan kita akan menjadi lebih fokus dan teratur.

Sementara pelupusan perniagaan yang dianggap tidak lagi menguntungkan dilakukan, kami terus memantau peluang-peluang perniagaan baru. Pada akhir tahun 2001, kami telah menandatangani satu Perjanjian Jual Beli dengan KS Ombak Laut Sdn Bhd untuk mengambilalih 20% kepentingan dalam Perimekar Sdn Bhd. Syarikat ini telah mengemukakan satu cadangan komprehensif kepada Kerajaan Malaysia untuk memasuki kontrak sebagai kontraktor utama dan penyelaras projek bagi pembekalan kapal selam kepada Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Throughout the year, we focused attention on optimising our business portfolio to maximise benefits from our assets. Considerable efforts were directed at downsizing or divesting unprofitable or non-core activities. These included the sale of our investment in Phoenix Heights Sdn Bhd and Boustead Abela Sdn Bhd, and we are at the final stages of a plan to divest our stake in Kulai Batu Quarry Sdn Bhd. The year also saw a marked reduction in the activities of Boustead Trading so as to curtail losses while the driving school business under Akademi Pendidikan Pemandu has ceased operations. As a result of our business portfolio optimisation strategy that is still ongoing, a more tightly focused and streamlined Group is emerging.

Although selectively divesting businesses that are deemed no longer profitable, we remain alert to new business opportunities coming our way. In the latter part of 2001, we signed a Sale and Purchase Agreement with KS Ombak Laut Sdn Bhd to acquire a 20% equity interest in Perimekar Sdn Bhd. The business has submitted a comprehensive proposal to the Malaysian Government to enter into a contract as primary contractor and project integrator for the supply of submarines to the Royal Malaysian Navy.

GOOD CORPORATE CITIZENSHIP

The Boustead Group is committed to an effective corporate philanthropic programme that balances our business objectives with those of the broader public interests. Indeed, it has long been an integral part of our corporate philosophy to reach out to society and to the various communities in which we work and operate. In this way, we have planted deep roots in the community as a respected neighbour and trusted friend.

Over the years, Boustead has supported a number of charitable organisations and a variety of worthy causes. Regular beneficiaries of our corporate sponsorship programmes include 'Tabung Rayuan Hari Pahlawan', a fund established by the Malaysian Ex-Services Association. We have also been long time sponsors of the orang utans at Zoo Negara.

We subscribe to the firm belief that by investing in today's youth, we are sowing the seeds for a future generation of leaders and captains of industry. The key to achieving this objective is through our education sponsorship programmes. Through a trust fund we have set up, together with other companies within the Affin Group, called 'Yayasan Warisan Perajurit' or Warriors' Heritage Fund, we have offered various scholarships to children of the armed forces to pursue their studies.

MASYARAKAT KORPORAT YANG BAIK

Kumpulan Boustead adalah komited terhadap program korporat penyayang yang efektif yang dapat mengimbangi objektif perniagaan kami dengan kepentingan awam. Malahan telah lama menjadi sebahagian daripada falsafah korporat kami untuk menjalin hubungan dengan masyarakat dan pelbagai lapisan komuniti di mana kami bertugas dan menjalankan kegiatan. Dengan cara ini kami berjaya menanam keyakinan kepada masyarakat sebagai jiran yang dihormati dan rakan yang boleh dipercayai.

Semenjak beberapa tahun dahulu, Boustead telah memberi sokongan kepada pelbagai pertubuhan amal dan yang bertujuan baik. Penerima-penerima tetap program tajaan korporat kami termasuk 'Tabung Rayuan Hari Pahlawan', sebuah dana yang ditubuhkan oleh Persatuan Bekas Tentera Malaysia. Kami juga telah lama menjadi penaja orang utan di Zoo Negara.

Kami memegang kepada kepercayaan teguh bahawa dengan melabur untuk golongan muda hari ini, kami menyemai benih untuk generasi pemimpin dan peneraju industri masa hadapan. Kunci bagi mencapai hasrat ini adalah menerusi program-program biasiswa pendidikan. Melalui sebuah dana amanah yang ditubuhkan bersama-sama lain-lain syarikat Kumpulan Affin, yang digelar Yayasan Warisan Perajurit, kami telah menawarkan pelbagai biasiswa kepada anak-anak angkatan tentera untuk melanjutkan pembelajaran mereka.



Primary and secondary schools in Mutiara Rini, Johor constructed for the Ministry of Education by Mutiara Rini Sdn Bhd

Sekolah rendah dan menengah di Mutiara Rini, Johor dibina untuk Kementerian Pendidikan oleh Mutiara Rini Sdn Bhd

HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

More than any factor, we know that the past and future success of Boustead depends on its human resources. For this reason, the training and development of our human resources remain a top priority and takes up a significant slice of our annual operating expenditure.

A groupwide staff development programme launched during the year was very favourably received by staff and management alike. Our training objective is not simply to produce staff proficient at what they are already doing, but to ultimately produce a multi-skilled workforce, adept at a variety of tasks and who can be easily assigned to a variety of jobs across the Group.

As mentioned earlier, the far reaching consequences of the global economic slowdown did not leave Boustead Group unscathed. As the adverse impact of the slowdown began to take its grip, the Group was compelled to implement a Voluntary Separation Scheme. The scheme was conducted in full consultation with the relevant representatives of the trade unions and every effort was made to ease the transition of the affected employees. Assistance rendered included a series of training and motivational sessions and advisory services to help the affected employees find alternative jobs.

In an increasingly complex business environment, where continued change has become the norm, managing risk is now an integral part of Boustead's business strategy. In this regard, consultants have already been appointed to assist the Group to put in place an enterprise risk management structure.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Kami sedar bahawa kejayaan masa lepas dan pada masa hadapan Boustead bergantung kepada sumber manusianya, lebih daripada faktor lain. Bagi tujuan ini, latihan dan pembangunan sumber manusia kami masih kekal diutamakan dan perbelanjaan ini amat ketara dalam perbelanjaan operasi tahunan kami.

Program pembangunan kakitangan di peringkat kumpulan yang dilancarkan dalam tahun yang dilapor telah disambut baik oleh kakitangan dan pengurusan. Objektif latihan kami bukan sahaja bertujuan mengeluarkan kakitangan yang mahir dalam bidang yang mereka lakukan tetapi juga adalah untuk menjadikan tenaga kerja yang mempunyai pelbagai kemahiran, berupaya menyesuaikan diri dengan pelbagai tugas serta mudah dipertanggungjawabkan pelbagai kerja dalam Kumpulan.

Sepertimana yang disebut sebelum ini, kelembapan ekonomi global juga menjejaskan Kumpulan Boustead. Setelah tekanan kelembapan mula dirasai, Kumpulan terpaksa melaksanakan Skim Pemberhentian Sukarela di samping aktiviti pemberhentian lain. Skim ini dilaksanakan setelah rundingan sepenuhnya dibuat dengan wakil-wakil kesatuan kerja yang berkaitan dan segala usaha telah dilakukan bagi memudahkan peralihan kakitangan yang terlibat. Bantuan yang diberikan termasuk mengadakan rangkaian siri latihan dan motivasi dan khidmat nasihat bertujuan membantu kakitangan yang terlibat mencari pekerjaan alternatif.

Dalam persekitaran perniagaan yang semakin kompleks, di mana perubahan yang kerap telah menjadi kebiasaan, pengurusan risiko telah menjadi sebahagian daripada strategi perniagaan Boustead. Dalam hal ini, pakar perunding telah dilantik untuk membantu Kumpulan mewujudkan struktur pengurusan risiko perusahaan.



*In-house staff development programme
Program pembangunan kakitangan
dalaman*



Vocational courses conducted by Adskill
at IKK Perhebat
Kursus vokasional di IKK Perhebat yang
dikendalikan oleh Adskill



OUTLOOK & PROSPECTS

Barring any circumstances beyond our control, the losses incurred by Affin Bank during 2001 are not likely to be repeated. As such, we are optimistic that the Group's financial performance in the coming year will see a marked improvement. While the Property Division will remain one of the star performers, its contribution is likely to be reduced as it will be difficult to reprise in 2002 the number of major property transactions realised towards end-2001. However, this will be offset by profits from our Plantations Division, which are expected to rise in line with healthy levels of CPO prices.

The Boustead Group will remain committed to reviewing and carefully monitoring its costs and capital expenditure by practising prudent management of funds. This strategy will enable the Group to position itself to capture the upside of the economic recovery, seizing opportunities in the marketplace for future new growth and profitability.

ACKNOWLEDGEMENTS

Much was expected of the staff and management during a difficult year, and I am proud to note that every member has risen to the challenge. Their hard work, loyalty and deep sense of commitment have been inspiring. My sincere appreciation is also extended to our shareholders, financiers and business associates.

HARAPAN & PROSPEK

Tanpa mengambil kira keadaan di luar kawalan kami, kerugian yang dialami oleh Affin Bank sepanjang 2001 tidak mungkin berulang. Justeru, kami yakin bahawa pencapaian kewangan Kumpulan dalam tahun yang akan datang akan menyaksikan peningkatan yang ketara. Sementara Bahagian Hartanah akan terus menjadi satu daripada penyumbang utama, sumbangannya mungkin berkurang kerana adalah sukar untuk mengulangi dalam tahun 2002 bilangan urus niaga hartanah yang besar yang dapat dimuktamadkan menjelang akhir 2001. Walau bagaimanapun, keadaan ini dapat diimbangi dengan keuntungan daripada Bahagian Perladangan kita, yang dijangka akan meningkat selaras dengan paras harga minyak sawit mentah yang baik.

Kumpulan Boustead akan terus komited dalam mengkaji dan memantau kos dan perbelanjaan modalnya dengan lebih teliti dengan mengamalkan pengurusan dana dengan lebih berhemat. Strategi ini akan membantu Kumpulan mengukuhkan kedudukannya untuk memperoleh hasil daripada pemulihan ekonomi, dengan merebut peluang-peluang dalam pasaran untuk pertumbuhan baru dan keuntungan masa hadapan.

PENGHARGAAN

Banyak yang diharapkan daripada kakitangan dan pengurusan dalam tahun yang sukar ini, dan saya berasa bangga menyatakan bahawa setiap ahli telah menyahut cabaran ini. Kerja keras, kesetiaan dan komitmen mereka yang tinggi adalah memberangsangkan. Penghargaan ikhlas saya juga ditujukan kepada para pemegang saham, pembiaya kewangan dan sekutu niaga.

Gen. (R) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Hj. Che Mat
(Chairman Pengerusi)

19 April 2002

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW

tinjauan
ketua eksekutif

Dato' Lodin Wok Kamaruddin
Group Managing Director
Pengarah Urusan Kumpulan



OPERATING RESULTS

I am pleased to report that the Group was able to achieve a profit of RM93 million from operations during the year ended 31 December 2001, against a background of tougher operating conditions, domestically and externally. This is an improvement of 33% over the comparable period of last year. However, after accounting for our share of losses in Associated Companies, particularly Affin Holdings, the Group ended the year with a pre-tax loss of RM15 million.

Group turnover for the year was recorded at RM1.024 billion, an increase of 15% over last year, and the loss attributable to shareholders was RM112 million. Consequently, earnings per share dropped to a negative 41 sen and net tangible assets per share declined to RM4.97 (2000: RM5.48).



KEPUTUSAN OPERASI

Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Kumpulan telah dapat memperolehi keuntungan operasi sebanyak RM93 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2001 dalam keadaan operasi di dalam dan di luar negara yang sangat mencabar. Ini merupakan peningkatan sebanyak 33% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira kerugian sebuah Syarikat Sekutu iaitu Affin Holdings, Kumpulan mengakhiri tahun dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM15 juta.

Kumpulan mencatatkan perolehan bagi tahun sebanyak RM1.024 bilion, kenaikan sebanyak 15% berbanding dengan tahun lepas, dan kerugian bagi pemegang saham ialah RM112 juta. Justeru, pendapatan sesaham jatuh kepada negatif 41 sen dan aset ketara bersih merosot kepada RM4.97 (2000: RM5.48).



PLANTATION perladangan

	2001	2000
Revenue Hasil	RM 204 m j	RM 239 m j
Pre-tax profit Keuntungan sebelum cukai	RM 52.4 m j	RM 66.6 m j
Total assets employed Jumlah aset digunakan	RM 1,508 m j	RM 1,422 m j
Employees Pekerja	10,271	10,617
Average prices realised Purata harga yang direalisasi		
– palm oil (per tonne) minyak sawit (setan)	RM 852	RM 997
– palm kernel (per tonne) isirong sawit (setan)	RM 418	RM 660
– FFB (per tonne) BTB (setan)	RM 142	RM 167
– rubber (per kilo) getah (sekilo)	RM 1.91	RM 2.39
Production Pengeluaran		
– FFB BTB	948,372t	887,478t
– rubber getah	823t	1,641t
Planted area Kawasan tanaman		
– oil palm kelapa sawit	78,246ha	78,086ha
– rubber getah	654ha	1,450ha
– teak/others pokok jati/lain-lain	686ha	675ha

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif

The land bank of the Group stood at 104,390 hectares, of which 79,586 hectares or 76% were under cultivation. During the year, 41 hectares in Balau Estate were sold to the University of Nottingham in Malaysia while an additional 1,000 hectares were acquired for development in Sugut. New areas brought under cultivation were confined to Sugut in Sabah and Kanowit in Sarawak.

Oil palm remained the Group's principal plantation crop, accounting for 78,246 hectares or 98% of the total area under cultivation. The main feature of the oil palm holdings is that only 64% has matured. Rubber remains a fringe crop with 654 hectares planted, which is less than 1% of the total area under cultivation. Forest plantation, mainly under teak, increased slightly to 360 hectares and is concentrated on Loagan Bunut Estate.

Production of Fresh Fruit Bunch (FFB) had a strong start during the year under review. However, yield levels could not be sustained and started to decline in March as the crop trend entered its trough phase. Crop yields again picked up gradually from August before reaching its peak in October. Total FFB production of 948,372 tonnes was 5% below budget. The Group ended the year with an average yield per hectare of 18.9 tonnes.

Following the successful commissioning of Trong Palm Oil Mill in the last quarter of 2000, the Group has seven mills in operation with a rated throughput capacity of 240 tonnes FFB per hour. For the year, all mills continued to perform satisfactorily with oil and kernel recovery averaging 19.8% and 5.1% respectively.

Jumlah keluasan tanah Kumpulan adalah 104,390 hektar, yang mana seluas 79,586 hektar atau 76% telah ditanam. Di dalam tahun, satu kawasan seluas 41 hektar di Ladang Balau telah dijual kepada University of Nottingham in Malaysia manakala 1,000 hektar lagi di Sugut, telah diperolehi untuk pembangunan. Kawasan-kawasan baru yang ditanam dihadkan di Sugut, Sabah dan Kanowit, Sarawak.

Kelapa sawit masih kekal sebagai tanaman utama Kumpulan, merangkumi kawasan seluas 78,246 hektar atau 98% daripada jumlah kawasan penanaman. Ciri utama pegangan sawit ini ialah hanya 64% sahaja telah matang. Getah terus menjadi tanaman sampingan dengan kawasan seluas 654 hektar ditanam, iaitu kurang 1% daripada jumlah kawasan penanaman. Perladangan hutan, sebahagian besarnya ditanam dengan kayu jati, bertambah sedikit kepada 360 hektar dan tertumpu di Ladang Loagan Bunut.

Pengeluaran Buah Tandan Baru (BTB) bermula dengan sangat baik dalam tahun yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, paras hasil tidak dapat dikekalkan dan mula merosot dalam bulan Mac apabila hasil memasuki fasa menurun. Hasil tanaman mula meningkat semula sejak bulan Ogos sebelum mencecah paras tertinggi dalam bulan Oktober. Jumlah pengeluaran BTB sebanyak 948,372 tan adalah 5% di bawah anggaran. Kumpulan mengakhiri tahun dengan hasil purata sehektar sebanyak 18.9 tan.

Berikutan siapnya Kilang Sawit Trong pada suku akhir 2000, Kumpulan mempunyai tujuh kilang yang beroperasi dengan kadar kapasiti pengeluaran sebanyak 240 tan BTB sejam. Sepanjang tahun, prestasi semua kilang adalah memuaskan dengan kadar purata perahan minyak sawit dan isirong masing-masing sebanyak 19.8% dan 5.1%.

Advances in plant breeding and biotechnology lead to mass production of uniformly high yielding planting material of superior quality

Kemajuan di dalam pembiakan tanaman dan bioteknologi menghasilkan pengeluaran secara besar-besaran bahan penanaman seragam yang mempunyai hasil dan mutu yang tinggi



CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif

The average crude palm oil (CPO) price for 2001 was down by 15% at RM852 per tonne as against RM997 in 2000. The decline was mainly on account of higher palm oil import duty imposed by India and competition from soybean oil. The aggressive stance taken by Indonesian exporters to dispose of their export availability in the face of a weakening Rupiah and ongoing economic instability also added to the downward pressure on CPO prices.

Boustead Estates Agency Sdn Bhd achieved a modest profit notwithstanding lower income from general agency and engineering services. The major contributors to revenue, namely produce sales and purchase commissions, saw a sharp drop due mainly to lower CPO prices and a reduction in fertiliser applications. Meanwhile, revenue generated by the engineering services was much affected by the postponement of the construction of new mills in Sarawak.

Harga purata minyak sawit mentah bagi tahun 2001 susut sebanyak 15% kepada RM852 setan berbanding dengan RM997 dalam tahun 2000. Penyusutan ini adalah disebabkan terutamanya duti import sawit yang lebih tinggi yang dikenakan oleh India serta saingan daripada minyak kacang soya. Langkah lebih agresif yang diambil oleh pengeksport Indonesia bagi melupuskan simpanan minyak sawit yang boleh dieksport berikutan kadar Rupiah yang semakin lemah serta ekonomi yang tidak stabil turut memberi tekanan kepada harga sawit mentah.

Boustead Estates Agency Sdn Bhd memperoleh keuntungan yang sederhana meskipun pendapatan daripada perkhidmatan agensi am dan kejuruteraan adalah lebih rendah. Penyumbang-penyumbang terbesar kepada hasil pendapatan, iaitu komisen daripada jualan hasil tanaman dan pembelian, menyaksikan kejatuhan mendadak disebabkan terutamanya harga minyak sawit mentah yang menurun dan penggunaan baja yang berkurangan. Sementara itu, hasil pendapatan yang dijana oleh perkhidmatan kejuruteraan turut terjejas berikutan penangguhan pembinaan kilang-kilang baru di Sarawak.



*120 tonnes per hour Tabung Haji Mill
at Riau, Sumatera*

*Kilang Tabung Haji 120 tan sejam
di Riau, Sumatera*



A significant achievement of the Technical Services Department was the successful commissioning of the first 120 tonnes per hour milling line of Multi-Gambut Pulau Palm Oil Mill belonging to Tabung Haji Plantations. The Agency also completed the upgrading works of several mills for various clients.

Boustead Estates Agency (Sabah) Sdn Bhd has restructured its operations to offer only general agencies and planting advisory services in East Malaysia. Although remaining profitable, turnover was lower as earnings from purchase commissions were affected by reduced fertiliser purchases in the wake of low CPO prices and cost reduction programmes undertaken by the Group.

Boustead Anwarsyukur Estates Agency Sdn Bhd suffered a significant loss with a much reduced income from management fees. The decision to relocate operational activities to Padang in Sumatra Barat was another contributing factor as compensation had to be paid to staff who opted not to be relocated.

Pencapaian ketara Bahagian Perkhidmatan Teknikal ialah kejayaan menyiapkan kilang pemerosesan berkapasiti 120 tan sejam yang pertama untuk Kilang Sawit Multi-Gambut Pulau yang dimiliki oleh Ladang Tabung Haji. Agensi turut menyiapkan kerja-kerja menaik taraf beberapa buah kilang untuk pelbagai pelanggan.

Boustead Estates Agency (Sabah) Sdn Bhd telah menstrukturkan semula operasinya dengan hanya menawarkan perkhidmatan agensi am dan nasihat penanaman di Malaysia Timur. Meskipun masih mencapai keuntungan, perolehan adalah lebih rendah disebabkan komisen belian terjejas akibat pembelian baja yang berkurangan berikutan harga minyak sawit mentah yang rendah serta program pengurangan kos yang dilaksanakan oleh Kumpulan.

Boustead Anwarsyukur Estates Agency Sdn Bhd mengalami kerugian yang ketara dengan penyusutan pendapatan daripada yuran pengurusan. Keputusan untuk memindahkan aktiviti operasi ke Padang di Sumatra Barat turut menjadi faktor penyumbang kerana wang pampasan perlu dibayar kepada kakitangan yang memilih untuk tidak berpindah.

FINANCE & INVESTMENT

kewangan & pelaburan



2001

2000

Pre-tax loss	Kerugian sebelum cukai	RM (179.2 m j)	RM (50.0 m j)
Total assets employed	Jumlah aset digunakan	RM 1,086 m j	RM 1,280 m j
Employees	Pekerja	158	146

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif

Customer service counter
at Affin Bank HQ
Kaunter perkhidmatan pelanggan
di Ibu pejabat Affin Bank



For the year, losses contributed by the Division increased by 258% owing mainly to substantial losses incurred by the Affin Group and interest costs borne by the parent company. **Boustead Holdings Berhad** incurred an operating deficit resulting from the holding cost of investments as company borrowings remain high at RM581 million.

For the year under review, **Boustead Credit Sdn Bhd** delivered a stronger set of results, showing a 30% improvement in pre-tax profit. Despite stiff competition from other financial institutions, the company was able to boost earnings through prudent credit management and lower loan provisions. Throughout the year, lending activities remained focused on retail based financing with particular emphasis on passenger vehicles.

Royal & Sun Alliance Insurance (M) Bhd enjoyed a 9% increase in gross premium revenue, enabling the company to close the year with a 43% improvement in profit contribution. Net underwriting profit was 26% higher than the preceding year. With signs of improvement in the Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) towards the latter part of the year, the company was able to realise higher gains on disposal of investments and a better valuation of its investment portfolio.

Bagi tahun yang dilapor, kerugian yang dialami oleh Bahagian ini meningkat sebanyak 258% disebabkan terutamanya kerugian besar yang dialami oleh Kumpulan Affin serta kos faedah yang ditanggung oleh syarikat induk. **Boustead Holdings Berhad** mengalami kerugian operasi disebabkan oleh kos pegangan pelaburan berikutan pinjaman syarikat yang tinggi pada RM581 juta.

Dalam tahun yang dilapor, **Boustead Credit Sdn Bhd** mencatatkan keputusan yang lebih baik, mempamirkan peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 30%. Sungguhpun menghadapi saingan sengit daripada institusi kewangan lain, syarikat berjaya meningkatkan pendapatan menerusi pengurusan kredit yang berhemat dan peruntukan hutang yang lebih rendah. Di sepanjang tahun, aktiviti pinjaman terus ditumpukan kepada pembiayaan berasaskan runcit khususnya pembiayaan kenderaan penumpang.

Royal & Sun Alliance Insurance (M) Bhd menikmati peningkatan hasil premium kasar sebanyak 9%, untuk membolehkan syarikat mengakhiri tahun dengan sumbangan keuntungan yang semakin baik sebanyak 43%. Keuntungan underwriting bersih adalah 26% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. Berikutan tanda-tanda peningkatan di Bursa Saham Kuala Lumpur menjelang akhir tahun, syarikat berjaya merealisasikan keuntungan yang lebih tinggi menerusi penjualan pelaburan-pelaburannya dan penilaian yang lebih baik ke atas portfolio pelaburannya.

Affin Holdings Berhad Group incurred a pre-tax loss of RM571 million for the financial year ended 31 December 2001, representing a significant decline from a loss of RM96 million sustained in the previous year. The first year of combined operations following the merger of the Affin Banking Group with the BSN Banking Group did not measure up to expectations. Deterioration of BSN Commercial Bank's asset quality since its acquisition necessitated a goodwill write off. Higher amounts set aside for loan provisioning further impacted on the bottom line of the banking operations. On a positive note, both Affin Discount and Affin-ACF Finance remained profitable while the year saw a turnaround of Affin Merchant into the black. AXA-Affin Assurance achieved a profit level well in excess of those achieved last year because of higher premium and investment income and lower claims. Affin-UOB Securities suffered a loss as the result of the low trading volume on the KLSE, while Affin Fund Management's financial performance fared better due to higher revenue. The issue of a 5-year Non-Called Subordinated Bond during the year generated RM600 million in additional capital for Affin Bank.

Against the unfavourable economic conditions, **PSC Industries Berhad** performed creditably, recording a pre-tax profit of RM128 million on a turnover of RM716 million. This was achieved through the activities of its two main subsidiaries, Penang Shipbuilding & Construction Sdn Bhd and PSC-Naval Dockyard Sdn Bhd. Good progress on the patrol vessel project and increase in steel fabrication activities contributed towards higher profits, which surpassed those of the previous year by over 20%.





Kumpulan Affin Holdings Berhad mengalami kerugian sebelum cukai sebanyak RM571 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001, satu penyusutan ketara berbanding kerugian sebanyak RM96 juta yang dialami pada tahun lepas. Tahun pertama penyatuan operasi berikutan penggabungan Kumpulan Perbankan Affin dengan Kumpulan Perbankan BSN, tidak mencapai hasil sepertimana yang dijangkakan. Kualiti aset BSN Commercial Bank yang merosot semenjak pengambilalihannya memerlukan hapus kira muhibah. Jumlah yang tinggi untuk peruntukan hutang turut menjejaskan prestasi operasi perbankan. Di sebaliknya, kedua-dua Affin Discount dan Affin-ACF Finance terus memperolehi keuntungan manakala tahun yang dilapor menyaksikan pemulihan Affin Merchant kepada keadaan keuntungan. AXA-Affin Assurance mencapai paras keuntungan melebihi pencapaian tahun lepas disebabkan premium dan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi dan tuntutan yang lebih rendah. Affin-UOB Securities mengalami kerugian akibat jumlah urus niaga yang rendah di Bursa Saham Kuala Lumpur manakala pencapaian kewangan Affin Fund Management adalah lebih baik berikutan hasil pendapatan yang lebih tinggi. Penerbitan Bon Subordinat 5-Tahun Tidak Boleh Panggil di dalam tahun yang dilapor berjaya menjana modal tambahan berjumlah RM600 juta untuk Affin Bank.

Dalam keadaan ekonomi yang kurang memuaskan, pencapaian **PSC Industries Berhad** adalah memberangsangkan, mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM128 juta atas perolehan sebanyak RM716 juta. Ini dicapai menerusi aktiviti-aktiviti dua buah anak syarikat utamanya iaitu Penang Shipbuilding & Construction Sdn Bhd dan PSC-Naval Dockyard Sdn Bhd. Kemajuan yang baik bagi projek kapal ronda dan aktiviti pemasangan keluli yang bertambah telah menyumbang kepada keuntungan yang lebih tinggi, melepasi pencapaian tahun lepas sebanyak lebih daripada 20%.

1010001000100000
1001001111100000
1111001011100000
1010000111000000
0111111000010000
1010001000100000
1001001111100000
1111001011100000
1010000111001000
0111111000010010



PROPERTY

hartanah

	2001	2000
Revenue Hasil	RM 335 m j	RM 190 m j
Pre-tax profit Keuntungan sebelum cukai	RM 98.8 m j	RM 65.6 m j
Total assets employed Jumlah aset digunakan	RM 869 m j	RM 831 m j
Employees Pekerja	69	59

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif

The Division's 51% growth in earnings for the year under review was attributed mainly to **Mutiara Rini Sdn Bhd**. Well on its way to fulfilling its mission to become a household name, the company is the developer of the award winning Mutiara Rini project in Johor and the much sought after Mutiara Damansara project in Selangor.

During the year, a total of 1,272 units comprising mainly residential houses and some shops were launched in both the development projects. Of the units launched, 65% comprised low and low medium cost units. Despite the overall slowdown of the economy, demand for properties in Mutiara Damansara remained strong. In Johor, the overhang of unsold units totalling over 12,000 as at December 2001, continued to put a damper on new property launches. Having taken cognisance of the oversupply situation, the company embarked on a new marketing strategy that focuses on building affordable units priced below RM200,000 where demand is strongest.

During the period under review, the sale of commercial lots at Mutiara Damansara to three major retailers was completed. Physical works on site have already started on two of these properties. Eventually, these properties will be transformed into a home furnishing centre, hypermarket and an entertainment complex. Plans are underway for the construction of a dynamic and vibrant pedestrian mall to be known as 'The Curve' which will link all three major commercial developments.

Pendapatan Bahagian ini yang meningkat sebanyak 51% bagi tahun yang dilapor adalah khususnya kerana **Mutiara Rini Sdn Bhd**. Hampir mencapai hasratnya untuk mencipta nama di dalam perniagaan hartanah, syarikat ini adalah pemaju bagi projek Mutiara Rini di Johor yang telah memenangi anugerah dan projek Mutiara Damansara di Selangor yang sangat diidami banyak pembeli rumah.

Di sepanjang tahun, sejumlah 1,272 unit yang terdiri daripada rumah kediaman dan sebilangan jumlah kedai telah dilancarkan di kedua-dua projek pembangunan. Daripada unit-unit yang dilancarkan, 65% terdiri daripada rumah kediaman kos rendah dan kos sederhana-rendah. Sungguhpun keadaan ekonomi pada keseluruhannya adalah lembap, permintaan bagi hartanah di Mutiara Damansara masih kukuh. Di Johor, bilangan unit masih belum dijual yang melebihi 12,000 sehingga bulan Disember 2001, terus melembabkan pelancaran hartanah baru. Setelah mengambil kira keadaan bekalan yang berlebihan, syarikat telah melancarkan strategi pemasaran baru, dengan memberi tumpuan kepada pembinaan rumah kediaman yang mampu dibeli iaitu pada harga di bawah RM200,000 yang mana permintaan adalah lebih mantap.

Dalam tempoh yang dilapor, penjualan lot komersial di Mutiara Damansara kepada tiga peruncit utama telah disempurnakan. Kerja-kerja fizikal di kawasan tapak telahpun bermula di dua daripada tiga hartanah ini. Hartanah-hartanah ini kelak akan berubah menjadi pusat perkakasan rumah, kompleks pasar raya besar dan kompleks hiburan. Perancangan sedang dibuat untuk pembinaan sebuah 'pedestrian mall' yang dinamik dan rancak dan akan dikenali sebagai 'The Curve' yang akan menghubungkan ketiga-tiga pembangunan komersial yang utama ini.



2-storey 'Mutiara homes'
'Mutiara homes' 2 tingkat

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif

Mutiara Damansara's sales office and landmark tower which can be seen from the Lebuhraya Damansara-Puchong
Pejabat jualan Mutiara Damansara dan menara mercutanda yang dapat dilihat dari Lebuhraya Damansara-Puchong



In line with its development and marketing strategy, Mutiara Rini Sdn Bhd will continue to construct and launch affordable landed properties in Mutiara Rini, Johor. In Mutiara Damansara, the focus will be on the development of the township's commercial components and the construction and sale of additional high end residential homes, for which demand currently exceeds supply.

Investment properties held by **SCB Developments Berhad, UK Realty Sdn Bhd** and **Weld Court Realty Sdn Bhd**, include amongst others, the 20-storey Menara Affin, 28-storey Menara Boustead and 7-storey Wisma Boustead. All these properties continue to command good rentals despite the mushrooming of new buildings in the Klang Valley.

As the development of the Mutiara Damansara project shifts into higher gear, increased activities have enhanced **Boustead Development Sdn Bhd's** revenue stream. Apart from management fees derived from its role as Project Manager for the Mutiara Damansara development, the company is the main building contractor for several housing phases in Mutiara Rini.

Sejajar dengan strategi pembangunan dan pemasarannya, Mutiara Rini Sdn Bhd ini akan terus membina dan melancarkan hartanah-hartanah yang mampu dibeli di Mutiara Rini, Johor. Di Mutiara Damansara, tumpuan adalah kepada pembangunan bahagian komersial perbandaran di samping pembinaan serta penjualan rumah kediaman mewah, yang mana permintaan kini melebihi bekalan.

Antara pelaburan hartanah yang dipegang oleh **SCB Developments Berhad, UK Realty Sdn Bhd** dan **Weld Court Realty Sdn Bhd**, termasuk bangunan-bangunan 20-tingkat Menara Affin, 28-tingkat Menara Boustead dan 7-tingkat Wisma Boustead. Kesemua hartanah ini terus mendapat sewaan baik meskipun terdapat pertumbuhan pesat bangunan-bangunan baru di Lembah Kelang.

Dengan pembangunan projek Mutiara Damansara beralih ke tahap yang lebih tinggi, peningkatan aktiviti-aktiviti yang berkaitan telah merangsang hasil pendapatan **Boustead Development Sdn Bhd**. Selain uran pengurusan yang diperolehinya sebagai Pengurus Projek pembangunan Mutiara Damansara, syarikat ini juga adalah kontraktor pembinaan utama bagi beberapa fasa perumahan di Mutiara Rini.

Jernih Rezeki Sdn Bhd also reported higher profits stemming from improved purchaser confidence in its housing development project. Sales were boosted by completed units from earlier phases which served to showcase the company's reputation as a developer of quality homes. Phase 3, comprising 96 units of double storey terrace houses is ongoing. The remaining phase, consisting of 67 units of double storey terrace houses will be launched in 2002.

A joint venture company, **Pavilion Entertainment Centre Sdn Bhd**, continued to derive good rental income while awaiting approvals from the relevant authorities to commence development activities. To harness greater synergistic benefits from its projects, the Group has entered into an agreement through **Damansara Entertainment Centre Sdn Bhd** to develop a 1.5 hectare site in Mutiara Damansara. The family oriented entertainment centre, when operational by 2004, will house among others, a bowling alley, cineplexes, lifestyle shops, restaurants and leisure activities.

Through **Akademi Pendidikan Pemandu (M) Sdn Bhd**, the Group was also involved in the driving school business. However, the business was wound down owing to the difficulty in achieving profitability in the face of intense competition. The Company will now focus on the development of its 6.8-acre site along Jalan Genting Kelang, Kuala Lumpur.

Jernih Rezeki Sdn Bhd turut melaporkan keuntungan yang lebih tinggi ekoran daripada keyakinan pembeli yang meningkat terhadap projek pembangunan perumahannya. Jualan dirangsang oleh unit yang telah siap daripada fasa terdahulu yang menyerlahkan reputasi syarikat sebagai pemaju perumahan yang berkualiti. Fasa 3 yang mengandungi 96 unit rumah teres dua tingkat masih berjalan lancar. Fasa yang masih tinggal yang mengandungi 67 unit rumah teres dua tingkat akan dilancarkan dalam tahun 2002.

Syarikat usahasama, **Pavilion Entertainment Centre Sdn Bhd**, terus menikmati pendapatan sewa yang memuaskan sementara menunggu kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa bagi memulakan aktiviti pembangunan. Untuk mendapat manfaat sinergistik yang lebih tinggi daripada projek-projeknya, Kumpulan telah menandatangani satu perjanjian menerusi **Damansara Entertainment Centre Sdn Bhd** untuk memajukan tapak seluas 1.5 hektar di Mutiara Damansara. Pusat hiburan berlandaskan kekeluargaan apabila beroperasi menjelang akhir 2004, akan menempatkan antara lain, sebuah gelanggang bowling, panggung wayang, kedai gayahidup, restoran dan aktiviti masa lapang.

Menerusi **Akademi Pendidikan Pemandu (M) Sdn Bhd**, Kumpulan turut terlibat dalam perniagaan sekolah memandu. Walau bagaimanapun, perniagaan ini telah ditutup disebabkan kesukaran membuat keuntungan berikutan saingan yang hebat. Syarikat kini memberi tumpuan kepada pembangunan tapak miliknya seluas 6.8 ekar di Jalan Genting Kelang, Kuala Lumpur.



*Mutiara Rini's 1,400-acre development project in Johor
Projek pembangunan Mutiara Rini seluas 1,400 ekar di Johor*





MANUFACTURING & TRADING

pembuatan & perdagangan

	2001	2000
Revenue Hasil	RM 440 m j	RM 405 m j
Pre-tax profit Keuntungan sebelum cukai	RM 19.2 m j	RM 4.3 m j
Total assets employed Jumlah aset digunakan	RM 387 m j	RM 387 m j
Employees Pekerja	605	723

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif

Higher profits from Manufacturing companies, notably UAC Berhad, and lower losses from Trading companies resulted in the Division's contribution increasing fourfold.

For **Boustead Sissons Paints Sdn Bhd**, the year under review was characterised by tougher market conditions with a still sluggish construction industry exerting a downward pressure on sales prices. Nevertheless, the company was still able to enhance its profitability on the strength of a 9% increase in revenue, greater cost efficiency and through the disposal of a piece of property surplus to requirements. Our investment in China through **Boustead Sissons Shaoxing** has yet to reach breakeven although the revenue has increased and inroads have been made to venture further into the local market. To improve profitability, the company has revamped its strategy to concentrate instead on projects rather than on wholesale distribution.

UAC Berhad had a good year achieving a highly commendable pre-tax profit of RM42.5 million for the 12 months ended 31 December 2001, compared with RM55.4 million in the preceding 18 months. The improved performance was attributable mainly to a 26% growth in revenue, prompted by higher demand for fibre cement building products and polyethylene pipes. Another contributing factor towards improved profitability was the inclusion of the full year result of steel roof trusses by 70% subsidiary, UAC Steel Systems Sdn Bhd. Additional production capacity for fibre cement products was commissioned during the year to cater for the anticipated increase in demand. New machinery was also installed to enable wholly owned subsidiary, UAC Pipes Sdn Bhd to manufacture double wall corrugated polyethylene pipes for conduit, sewer and drainage applications.

Keuntungan yang lebih tinggi daripada syarikat-syarikat Pembuatan, terutamanya UAC Berhad, dan kerugian yang lebih rendah yang dialami oleh syarikat-syarikat Perdagangan mengakibatkan sumbangan Bahagian ini meningkat empat kali ganda.

Bagi **Boustead Sissons Paints Sdn Bhd**, tahun yang dilapor menunjukkan suasana pasaran yang amat sukar dengan industri pembinaan yang masih lembap memberi tekanan kepada harga jualan. Namun, syarikat masih berupaya meningkatkan keuntungannya atas kekukuhan hasil pendapatan yang berkembang sebanyak 9%, penjimatan kos serta penjualan hartanah yang melebihi keperluan. Pelaburan kami di China melalui **Boustead Sissons Shaoxing** masih belum mencapai tahap pulang modal walaupun hasil pendapatan telah meningkat dan pasaran tempatan telah ditembusi. Bagi meningkatkan keuntungan, syarikat telah menyusun semula strateginya dengan memberi lebih tumpuan kepada projek daripada pengedaran borong.

UAC Berhad menikmati satu tahun yang sungguh membanggakan dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM42.5 juta untuk 12 bulan berakhir 31 Disember 2001 berbanding dengan RM55.4 juta bagi 18 bulan sebelumnya. Pencapaian yang bertambah baik ini adalah disebabkan terutamanya pertumbuhan hasil pendapatan sebanyak 26% berikutan permintaan yang tinggi bagi produk serabut simen dan paip polietilina. Satu lagi faktor penyumbang kepada keuntungan yang bertambah baik ini ialah kemasukan keputusan satu tahun bagi rangka atap keluli oleh syarikat subsidiari yang dimiliki 70% iaitu UAC Steel Systems Sdn Bhd. Perluasan kapasiti pengeluaran produk serabut simen telah disempurnakan dalam tahun bagi memenuhi permintaan yang dijangka akan meningkat. Jentera baru turut juga dipasang bagi membolehkan subsidiari milikan penuh, UAC Pipes Sdn Bhd, mengeluarkan paip polietilina beralur dengan lapisan berkembar untuk penggunaan conduit, saluran pembentungan dan aplikasi saluran air.



Houses at Bayu Resort, Seri Kembangan using UAC's Supertex woodgrain planks

Rumah-rumah di Bayu Resort, Seri Kembangan menggunakan papan kayu 'Supertex' dari UAC

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif

Despite a lower turnover, **Kao (Malaysia) Sdn Bhd** returned a pre-tax profit that represented a 17% increase over the previous year. This was achieved through a combination of proactive actions adopted to maintain market share of all key products through product innovation. Steps have been taken to prepare for the coming into effect of AFTA in 2003.

Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd's strategy to focus on core products with higher margins has enabled the company to weather the tougher market conditions. By reducing the product range, the company has managed to lower its inventory holding costs. In readiness for AFTA, Cadbury Malaysia will become the regional centre for chocolate products output, leaving the production of sugar products to Indonesia.

ESAB Boustead Sdn Bhd's performance for the year was encouraging despite ending the year with a marginal loss. Although the recently introduced hard facing electrodes achieved low sales, the company is confident of the potential of this product.

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd continued to trim its operations through a series of reorganisation and downsizing exercises. By capitalising on West Malaysia's superior highway system, non-strategic branches were closed. Operational efficiencies were further enhanced in East Malaysia with several branches earmarked for closure. However, this will be carried out after careful evaluation has ascertained that service levels will not be affected. As a result of such closures and attendant cost reduction measures, the company was able to bring about a substantial reduction in losses incurred for the year under review.

Boustead Global Trade Network Sdn Bhd had a profitable year servicing the Sara Lee agency for West and East Malaysia. By using Boustead Trading's extensive network, and the sharing of resources, considerable economies of scale were achieved.

The insurance agency business under **Boustead Sales and Services Sdn Bhd** remained profitable despite keen competition and difficult market conditions.

Boustead Engineering Sdn Bhd turned in another sterling performance overcoming the challenges posed by uncertainties in the business environment. Propelling the company forward was its Mechanical Industrial Supplies Department which achieved strong sales in engineering products. The completion of several airport baggage handling systems helped to sustain project billings despite a slowdown in the number of new project awards. The Chemicals Department also had a good year, making a significant contribution to profitability.

Meskipun perolehan adalah lebih rendah, **Kao (Malaysia) Sdn Bhd** mencatat keuntungan sebelum cukai yang merupakan kenaikan sebanyak 17% berbanding tahun lepas. Ini telah dicapai melalui kombinasi langkah-langkah proaktif yang diambil bagi mengekalkan kedudukan pasaran semua produk utama menerusi peningkatan inovasi produk. Langkah-langkah juga telah diambil untuk menyediakan syarikat menghadapi AFTA dalam tahun 2003.

Strategi **Cadbury Confectionery Malaysia Sdn Bhd** untuk menumpu kepada produk utama dengan margin yang lebih tinggi telah membolehkan syarikat menghadapi suasana pasaran yang sukar. Pengurangan jenis produk telah membolehkan syarikat mengurangkan kos pegangan inventori. Sebagai langkah persediaan menghadapi AFTA, Cadbury Malaysia akan menjadi pusat serantau bagi keluaran produk coklat dan menyerahkan pengeluaran produk gula kepada Indonesia.

Pencapaian **ESAB Boustead Sdn Bhd** bagi tahun adalah memuaskan walaupun mengakhiri tahun dengan sedikit kerugian. Meskipun elektrod untuk pengerasan permukaan yang baru diperkenalkan mencapai jualan yang rendah, syarikat yakin produk ini mempunyai potensi yang baik.

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd terus mengurangkan operasinya melalui beberapa program penyusunan semula dan pengurangan kakitangan dan cawangan. Dengan memanfaatkan sistem lebuh raya yang baik di Semenanjung Malaysia, cawangan-cawangan yang tidak strategik telah ditutup. Kecekapan operasi di Malaysia Timur telah dipertingkatkan dengan beberapa cawangan dikenal pasti untuk ditutup. Walau bagaimanapun, tindakan ini akan hanya diambil setelah penilaian teliti memastikan bahawa tahap perkhidmatan tidak akan terjejas. Susulan daripada penutupan cawangan-cawangan yang tidak ekonomik dan pelbagai langkah pengurangan kos, syarikat berjaya mengurangkan kerugian yang dialami dalam tahun yang dilaporkan.

Boustead Global Trade Network Sdn Bhd menikmati tahun yang menguntungkan dengan memberi khidmat kepada agensi Sara Lee bagi Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Dengan menggunakan rangkaian Boustead Trading yang luas serta perkongsian sumber, beberapa penjimatan telah dicapai.

Perniagaan agensi insurans di bawah **Boustead Sales and Services Sdn Bhd** terus menguntungkan meskipun terdapat saingan yang hebat dan keadaan pasaran yang sukar.

Boustead Engineering Sdn Bhd mencatat satu lagi pencapaian yang sangat cemerlang mengatasi pelbagai cabaran dalam persekitaran perniagaan yang tidak menentu. Penggerak utama syarikat adalah Bahagian Pembekalan Industri Mekanikal, yang telah mencapai jualan kukuh bagi produk kejuruteraan. Penyiapan beberapa sistem pengendalian barangan dan bagasi membantu mengekalkan pendapatan daripada projek sungguhpun tawaran bagi beberapa projek baru adalah lembap. Bahagian Kimia turut menikmati tahun yang memberangsangkan, memberi sumbangan ketara kepada keuntungan.

Emastulin Automobile Sdn Bhd registered a loss for 2001 despite intensified efforts to reduce its inventory of BMC trucks which had only limited success with no big contracts secured for the greater part of the year. However, towards the end of the financial year, the company successfully secured a major supply contract with the Government, with delivery scheduled for the second quarter of 2002.

Boustead Johan Edaran Sdn Bhd saw an encouraging improvement in performance following the implementation of an aggressive marketing plan. The company also benefited from various fiscal programmes put in place by the Government to jump start the economy. The main beneficiaries were the building and construction sectors which saw an increase in activities in the residential sub-sector. The performance would have been better had it not been for the highly competitive business environment, brought on by excess production capacities by almost all the major producers of building materials. Agency rationalisation during the year helped to reduce stockholding cost and increase trade servicing by the sales force. The various rationalisation and improvement programmes are ongoing, the full benefits of which will be realised in 2002.

There were no changes in the business activities of **Wah Seong-Boustead Co Ltd** which has operations in Myanmar. Efforts have intensified to secure tenants for its office space.

Riche Monde Sdn Bhd was adversely affected by sluggish trading environment in both the domestic and duty free sectors. Consumer spending was unexciting and duty free sales suffered from the drop in tourist arrivals to Malaysia. An aggressive campaign and investment in promotional spending was necessary to maintain sales and market share of core brands.

The more difficult economic environment also took its toll on **Drew Ameroid (M) Sdn Bhd**, which posted a slight decline in turnover over the previous year. Many key market segments such as the palm oil, wood based, electronics and construction industries did not perform as well as expected, thus severely impacting chemical sales. However, the ambient economic conditions did not prevent the company from launching 'Performax Millennium', a new water cooling system based on patented technologies from Drew USA. Other new chemical products for plant maintenance were introduced into the market in an effort to boost the company's competitive advantage and stay ahead of the competition.

Emastulin Automobile Sdn Bhd mencatat kerugian bagi tahun 2001 walaupun usaha-usaha dipertingkatkan bagi mengurangkan inventori lori BMC, yang hanya mendapat sedikit kejayaan tanpa mendapat kontrak besar hampir sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun kewangan, syarikat telah berjaya mendapat satu kontrak bekalan lori yang besar daripada Kerajaan, dengan penghantaran dijadualkan pada suku kedua 2002.

Boustead Johan Edaran Sdn Bhd memperlihatkan peningkatan pencapaian yang memuaskan berikutan pelaksanaan rancangan pemasaran yang agresif. Syarikat turut mendapat manfaat daripada pelbagai program fiskal yang diwujudkan oleh Kerajaan bagi merangsang ekonomi. Penerima utama adalah sektor pembangunan dan pembinaan, yang menyaksikan aktiviti sektor kecil kediaman meningkat. Pencapaian seharusnya lebih baik jika tidak kerana daya-saing persekitaran perniagaan yang tinggi, berikutan kapasiti pengeluaran yang berlebihan oleh hampir kesemua pengeluar utama bahan binaan besar. Penyusunan semula agensi dalam tahun telah membantu mengurangkan kos pegangan stok serta meningkatkan khidmat perdagangan oleh tenaga jualan. Pelbagai program penyusunan semula dan peningkatan masih berterusan, di mana manfaat sepenuhnya akan diperolehi dalam tahun 2002.


Tiada perubahan bagi aktiviti perniagaan **Wah Seong-Boustead Co Ltd** yang mempunyai operasi di Myanmar. Pelbagai usaha telah dipertingkatkan bagi mendapatkan penyewa ruang pejabatnya.

Riche Monde Sdn Bhd telah menghadapi kesukaran berikutan persekitaran perdagangan yang lembap di kedua-dua sektor domestik dan bebas cukai. Perbelanjaan pengguna adalah tidak memberangsangkan manakala jualan bebas cukai terjejas kerana kemerosotan ketibaan pelancong ke Malaysia. Kempen yang lebih agresif dan pelaburan dalam perbelanjaan promosi adalah perlu bagi mengekalkan jualan serta kedudukan pasaran jenama-jenama utama.

Persekitaran ekonomi yang amat sukar turut menjejaskan **Drew Ameroid (M) Sdn Bhd** yang mana perolehannya merosot sedikit berbanding tahun lepas. Prestasi kebanyakan bahagian pasaran utama seperti industri-industri kelapa sawit, berasaskan kayu, elektronik dan pembinaan tidak mencapai kemajuan sepertimana yang diharapkan, dengan itu menjejaskan jualan bahan kimia. Namun keadaan ekonomi semasa tidak menghalang syarikat daripada melancarkan produk baru 'Performax Millennium', satu sistem penyejuk air berasaskan teknologi paten daripada Drew Amerika Syarikat. Beberapa produk kimia baru untuk penyelenggaraan loji turut diperkenalkan di dalam pasaran sebagai usaha untuk meningkatkan kelebihan daya saing syarikat dan supaya kekal berada di hadapan.

SERVICE INDUSTRY

industri perkhidmatan



2001

2000

Revenue	Hasil	RM	36 m j	RM	47 m j
Pre-tax loss	Kerugian sebelum cukai	RM	(5.7 m j)	RM	(1.0 m j)
Total assets employed	Jumlah aset digunakan	RM	84 m j	RM	63 m j
Employees	Pekerja		395		583

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif



P&O Nedlloyd Shackleton's maiden call at Port Kelang with Minister of Transport on the bridge

P&O Nedlloyd Shackleton berlabuh buat pertama kali di Pelabuhan Kelang bersama Menteri Pengangkutan di atas anjung kapal

During the year, the Service Industry Division slipped further into the red reflecting the full year's expected loss of The University of Nottingham in Malaysia Sdn Bhd and a lower contribution from the Shipping Division.

Boustead Shipping Agencies Sdn Bhd, the general agent for Islamic Republic of Iran Shipping Line, Myanmar Five Star Line and Unitai, posted lower revenue owing to intense competition brought on by excess shipping capacity. On the other hand, the Air Freight Division turned in a very encouraging performance. The year saw the company entering into a joint venture agreement with Kawasaki Kinkai Kisen Kaisha Co. Ltd. of Japan and some local partners to form Kawasaki Kinkai Kisen Kaisha (M) Sdn Bhd. The new joint venture will represent break bulk services to Japanese ports.

The generally depressed shipping industry also had an adverse impact on **Cargo Freight Shipping Sdn Bhd** which was manifested in reduced port calls and service disruptions. **Bestari Marine Sdn Bhd** also experienced lower level of activities while **AB Shipping Pte Ltd** and **Malakoff Management Services Pte Ltd** in Singapore were able to fare better through the higher activities of their principals. However, **Boustead Shipping Agencies (Brunei) Sdn Bhd** was not spared the spill over effects of the economic slowdown in Brunei. **BTL Sdn Bhd** proved its mettle by successfully completing several hydrographic survey projects in the country.

P&O Nedlloyd M.A. Sdn Bhd was the host for P&O Nedlloyd Shackleton which made its maiden call to Port Kelang in May 2001. At 6,802 TEUs and over 80,000 tons dead weight, it was the largest container to call at Northport where P&O Nedlloyd is also the largest operator. The over capacity situation in the shipping industry affected the performance of the company, registering a 40% decline in profit contribution.

Di dalam tahun yang dilapor, Bahagian Industri Perkhidmatan terus mengalami kerugian mencerminkan kerugian sepenuh tahun The University of Nottingham in Malaysia Sdn Bhd dan sumbangan yang lebih rendah daripada Bahagian Perkapalan.

Boustead Shipping Agencies Sdn Bhd, agensi am untuk Islamic Republic of Iran Shipping Line, Myanmar Five Star Line dan Unitai, menyumbang hasil pendapatan yang lebih rendah berikutan saingan yang hebat berpunca daripada lebihan kapasiti perkapalan. Pencapaian Bahagian Penghantaran Udara bagaimanapun adalah sungguh memuaskan. Tahun yang dilapor menyaksikan syarikat menandatangani satu perjanjian usahasama dengan Kawasaki Kinkai Kisen Kaisha Co. Ltd. dari Jepun dan beberapa rakan kongsi tempatan untuk menubuhkan Kawasaki Kinkai Kisen Kaisha (M) Sdn Bhd. Usaha sama baru ini akan mewakili perkhidmatan pukal ke pelabuhan Jepun.

Kemerosotan industri perkapalan pada keseluruhannya turut memberi kesan kepada **Cargo Freight Shipping Sdn Bhd** yang menyaksikan kedatangan kapal yang rendah dan gangguan perkhidmatan. **Bestari Marine Sdn Bhd** turut mengalami aktiviti yang berkurangan manakala pencapaian **AB Shipping Pte Ltd** dan **Malakoff Management Services Pte Ltd** di Singapura adalah lebih baik menerusi aktiviti prinsipal mereka yang meningkat. **Boustead Shipping Agencies (Brunei) Sdn Bhd** tidak dapat mengelak daripada kesan kelembapan ekonomi yang melanda Brunei. **BTL Sdn Bhd** membuktikan kemampuannya dengan kejayaan menyempurnakan pelbagai projek pengukuran dasar laut dalam negara.

P&O Nedlloyd M.A. Sdn Bhd menjadi hos P&O Nedlloyd Shackleton yang berlabuh buat pertama kali di Pelabuhan Kelang dalam bulan Mei 2001. Padar kadar 6,802 'TEUs' dan berat melebihi 80,000 tan 'dead weight', ia merupakan kontena terbesar yang pernah berlabuh di Pelabuhan Utara di mana P&O Nedlloyd merupakan pengendali terbesar. Keadaan kapasiti yang berlebihan dalam industri perkapalan menjejaskan pencapaian syarikat, mencatatkan pengurangan dalam sumbangan keuntungan sebanyak 40%.

CHIEF EXECUTIVE'S REVIEW • tinjauan ketua eksekutif

Boustead Travel Services Sdn Bhd performed well beyond expectations despite a drop in business volumes in the aftermath of the September 11 attack on the United States. Since then, the situation has generally stabilised in time for the year end holiday travel business to pick up. A tight rein on operating costs and credit controls also helped to offset the erosion of business yields during the year. While the gloom is slowly lifting on the industry, the outlook for the months ahead still remains uncertain. It will hinge to a large extent on the state of global confidence in business and leisure travel, as well as on the state of the local and regional economies.

Emasewa Sdn Bhd was also affected by the rippling effects of 11 September which saw a slowdown in local businesses and foreign arrivals. However, being an already lean entity, the company was better able to withstand the challenges of diminished demand. International events held in Malaysia such as the South East Asia Games and the International Islamic Conference helped boost fleet utilisation. By maintaining a strategy of optimising the utilisation of its downsized fleet, the company was able to remain profitable in spite of a reduced revenue.

Information technology (IT) and IT related activities of the Group come within the ambit of **Boustead Information Technology Sdn Bhd**. In the face of an economic slowdown, the company adopted a prudent stance with respect to ventures into new IT related activities. Among the new ventures is the setting up of a smart card personalisation centre for financial institutions through the MEPS. **Asia Smart Cards Centre (M) Sdn Bhd**, a joint venture company with Modular Corporation Sdn Bhd, is targeted to commence commercial personalisation of smart cards in April 2002. The prospects for this new venture are good as the use of smart cards is poised to expand in the coming years. The official e-portal for the Melaka State set up under **Boustead IT & Telecommunication Sdn Bhd**, melakacom.net.my, became operational during the year. This portal offers a wide array of services and useful information to web

Pencapaian **Boustead Travel Services Sdn Bhd** adalah amat membanggakan dan di luar jangkaan sungguhpun jumlah perniagaan merosot berikutan serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat. Sejak itu, keadaan pada keseluruhannya telah mula stabil untuk urusan niaga pelancongan cuti akhir tahun kembali meningkat. Kawalan kos operasi dan kredit yang ketat turut membantu mengimbangi hasil perniagaan menurun di sepanjang tahun. Sementara keadaan suram pada industri telah mula berkurang, keadaan di bulan-bulan akan datang masih tidak menentu. Ianya banyak bergantung kepada tahap keyakinan global bagi perjalanan perniagaan dan percutian, termasuk keadaan ekonomi tempatan dan serantau.

Emasewa Sdn Bhd juga terjejas susulan daripada kesan 11 September yang menyaksikan perniagaan tempatan dan ketibaan pelancong asing yang lembap. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah entiti yang telah diperkemarkan, syarikat lebih mampu bertahan dalam menghadapi cabaran permintaan yang semakin menyusut. Acara-acara antarabangsa yang diadakan di Malaysia seperti Sukan Asia Tenggara dan Persidangan Islam Antarabangsa turut membantu merangsang penggunaan kereta sewa. Dengan mengekalkan strategi mengoptimumkan penggunaan bilangan keretanya yang telahpun berkurang, syarikat berjaya mengekalkan keuntungan walaupun hasil pendapatan susut.

Teknologi maklumat dan aktiviti-aktiviti berkaitan teknologi maklumat Kumpulan adalah di bawah **Boustead Information Technology Sdn Bhd**. Bagi menghadapi kelembapan ekonomi, syarikat telah mengambil langkah-langkah berhemat mengenai urusan niaga baru bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Antara urusan niaga baru ini adalah penubuhan pusat kad pintar tersendiri untuk institusi kewangan menerusi MEPS. **Asia Smart Cards Centre (M) Sdn Bhd**, sebuah syarikat usahasama dengan Modular Corporation Sdn Bhd, dijangka akan memulakan pengeluaran komersial kad pintar tersendiri dalam bulan April 2002. Prospek untuk urusan niaga baru ini adalah baik kerana penggunaan kad pintar dijangka akan berkembang pada tahun-tahun yang akan datang. melakacom.net.my, e-gerbang rasmi untuk kerajaan Negeri Melaka di bawah **Boustead IT & Telecommunication Sdn Bhd**



*Boustead Travel's participation at a Travel Fair
Penyertaan Boustead Travel dalam
Pesta Pelancongan*

surfers, such as Melaka Hotel Online which enables users anywhere in the world to make hotel bookings on line through the Internet. The year also saw the redevelopment and completion of the plantation information management system. Full commercialisation of this product will commence in early 2002.

Having commenced its first teaching programmes in September 2000, **The University of Nottingham in Malaysia Sdn Bhd (UNiM)** successfully concluded its first academic year for undergraduates in July 2001 and in September 2001 for postgraduates. The first degree congregation for the University was held on 26 January 2002, during which 28 MBA and MA students were conferred their degrees. With the admission of 120 new students to various courses in September 2001, the student population at the University has increased to the current 202. Detailed plans are being worked out for UNiM's permanent campus at Balau near Semenyih, Selangor. Architects and management consultants have been appointed to transform a vision into reality.

Having proven its capabilities as a provider of skill training and development services to Institut Kemahiran dan Keusahawanan Perhebat, **Adskill Sdn Bhd** expanded the scope of its activities in the provision of professional development programmes for the staff of Government training agencies. The company was also successful in its efforts to penetrate new markets in Sarawak, where it will begin a major teachers' training project for the Ministry of Youth and Sports.



UNiM's first degree congregation
Penganugerahan ijazah
yang pertama UNiM

mula beroperasi dalam tahun yang dilapor. Gerbang ini menawarkan rangkaian perkhidmatan yang luas dan maklumat berguna kepada pelayar web, seperti Hotel Melaka Dalam Talian yang membolehkan pengguna di serata dunia membuat tempahan hotel dalam talian melalui Internet. Tahun yang dilapor turut menyaksikan pembangunan semula dan penyempurnaan sistem pengurusan perladangan. Komersialisasi produk ini sepenuhnya akan bermula pada awal tahun 2002.

Setelah memulakan program pengajaran pertamanya dalam bulan September 2000, **The University of Nottingham in Malaysia Sdn Bhd (UNiM)** berjaya menamatkan tahun akademik pertamanya bagi mahasiswa dalam bulan Julai 2001 dan penuntut lepasan ijazah dalam bulan September 2001. Penganugerahan ijazah yang pertama bagi Universiti ini telah diadakan pada 26 Januari 2002, di mana sejumlah 28 penuntut Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dan Ijazah Sarjana Kesasteraan telah dianugerahkan ijazah masing-masing. Dengan kemasukan seramai 120 penuntut baru ke pelbagai kursus dalam bulan September 2001, jumlah penuntut di Universiti telah bertambah kini kepada 202 orang. Rancangan terperinci sedang dibuat untuk kampus tetap UNiM di Balau berdekatan Semenyih, Selangor. Akitek dan perunding pengurusan telah dilantik untuk menukarkan satu wawasan menjadi kenyataan.

Setelah membuktikan kebolehannya sebagai penyedia latihan kemahiran dan khidmat pembangunan kepada Institut Kemahiran dan Keusahawanan Perhebat, **Adskill Sdn Bhd** meluaskan bidang aktiviti dalam penyediaan program pembangunan profesional untuk kakitangan agensi latihan Kerajaan. Syarikat telah berjaya dalam usahanya untuk menembusi pasaran baru di Sarawak, di mana ia akan memulakan projek latihan perguruan yang besar untuk Kementerian Belia dan Sukan.



UNiM's ground breaking ceremony
at Balau, Semenyih
Upacara pecah tanah UNiM di Balau,
Semenyih